

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)14

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

14. Apakah pencapaian serta strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pilihan untuk industri perfileman dan program hiburan televisyen?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Antara pencapaian Kerajaan Negeri dalam mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pilihan untuk industri perfileman dan program hiburan televisyen adalah dengan menerima kehadiran produksi *Miss Hong Kong Pageant 2025* dan produksi rancangan variasi terkenal "*Mr. Player*" yang menjalani penggambaran di Pulau Pinang.

Produksi *Miss Hong Kong Pageant 2025* telah menjalankan penggambaran di Pulau Pinang buat julung kalinya. Ini merupakan hasil kerjasama strategik bersama HK Express dan

TVB. Langkah ini susulan lawatan promosi pelancongan ke Hong Kong pada Jun 2025, yang turut membawa kepada peningkatan penerbangan terus Hong Kong ke Pulau Pinang kepada dua kali sehari bermula 26 Oktober 2025. TVB, sebagai penerbit televisyen berbahasa Cina terkemuka dengan capaian global, telah memperkenalkan keindahan landskap, warisan budaya dan daya tarikan moden Pulau Pinang kepada jutaan penonton antarabangsa. Kehadiran 14 finalis serta dua pelakon popular, Benjamin Yuen dan Moon Lau, bukan sahaja memperkukuh hubungan pelancongan serantau, malah mempertingkatkan penjenamaan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dan penggambaran bertaraf antarabangsa.

Produksi rancangan variasi terkenal "*Mr. Player*" juga telah menjalani penggambaran selama empat hari di Pulau Pinang. Program popular dari Taiwan ini terkenal dengan cabaran permainan menarik, kejutan lucu serta barisan selebriti ternama seperti Jacky Wu, Kid Lin, Kunda Hsieh, Kuo Hsien Ma dan Tsai Wei Lin. Penggambaran ini mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan penggambaran antarabangsa.

Sejak awal tahun, Pulau Pinang telah menerima kehadiran pelbagai produksi filem dan televisyen termasuk pelakon Ron Ng, Joey Yung, Charlene Choi, Gillian Chung, Samantha Ko serta pengarah kelahiran Pulau Pinang, Sam Quah. Dengan warisan budaya yang kaya, pemandangan indah dan kepelbagaian gastronomi, Pulau Pinang menjadi pilihan untuk penggambaran rancangan ini di lokasi ikonik seperti Padang Kota Lama dan Street of Harmony. Penggambaran "*Mr. Player*" telah mempromosikan Pulau Pinang kepada penonton antarabangsa, menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini serta merancakkan ekonomi tempatan. Rancangan ini, yang telah mencatat lebih 1 bilion tontonan di YouTube dengan lebih 15.5 juta pelanggan, dijangka meningkatkan profil Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama Asia Tenggara serta mengukuhkan sektor ekonomi kreatif negeri.

Kerajaan Negeri akan terus membuka pintu kepada produksi dalam dan luar negara untuk menjadikan Pulau Pinang destinasi pilihan industri perfileman dan ekonomi kreatif.